

LPP BELI RUMAH WALET

Wujud 7 pusat pengumpulan sarang burung daripada pengusaha

Oleh Mohamad Hussin
mohamad_hussin@
hmetro.com.my

Industri sarang burung walet ada potensi besar dalam pasaran sehingga kini menjadi antara sektor pertanian popular dalam kalangan usahawan.

Ini berikutan sarang burung walet antara komoditi yang mampu meraih harga tinggi di pasaran.

Statistik pembangunan industri menggambarkan lebih 40,000 rumah burung walet dibina dan beroperasi di seluruh negara sejak tahun 2008.

Selain itu, kerajaan menjadikan industri itu sebagai projek permulaan berimpak tinggi dengan sasaran nilai eksport berjumlah RM5.2 bilion menjelang 2020.

Ketua Pengarah Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) Datuk Mohd Salim Taha berkata, sasaran itu mempunyai asas kukuh dari segi keupayaan negara mengeluarkan sarang burung walet dan memenuhkan pasaran dunia.

Beliau berkata, LPP tidak ketinggalan menyokong saranan kerajaan melalui peruntukan disalurkan Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV).

"Tujuh pusat pengumpulan sarang burung walet ditubuhkan Pertubuhan Peladang. Pusat ini berfungsi mendapatkan sarang burung walet daripada pengusaha," katanya.

Beliau berkata demikian selepas majlis menandatangani perjanjian (MoA) pembelian rumah sarang burung walet membabitkan tiga peringkat Pertubuhan Peladang dengan Duta Sialin Biotechnology Sdn Bhd (SIALIN) di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Hadir sama, Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) LPP Nasir Harun, Pengurus Besar Pertubuhan Peladang dengan Duta Sialin Biotechnology Sdn Bhd (SIALIN) Datuk Ab Rahman Ismail dan Ketua Pegawai Eksekutif SIALIN Datuk Sia

Swee Seng.

Mohd Salim berkata, LPP dan SIALIN sudah pun menandatangani memorandum persefahaman (MoU) untuk bekerjasama mencapai matlamat bersama dalam industri burung walet.

"Ia termasuk perjanjian jual beli tujuh pusat pengumpulan sarang burung walet termasuk Pertubuhan Peladang Negeri (PPN) Sabah, PPN Terengganu dan Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Gua Musang, Kelantan.

"Selain itu, PPK Bandar Baharu, Kedah; PPK Manjung Selatan, Perak; PPK Tanjung Karang, Selangor dan PPK Pagoh, Johor," katanya.

Menurutnya, selepas dua tahun kerjasama dengan SIALIN, prestasi jualan sarang burung walet di pusat pengumpulan berjumlah 350 kilogram (kg) membabitkan nilai RM409,000.

"Jumlah ini dijangka terus meningkat pada tahun ini berikutan SIALIN mendapat kelulusan dari China untuk mengeksport sarang burung walet sebanyak 450kg.

"Kami berharap semua pusat pengumpulan dapat mengambil peluang ini dan seterusnya meningkatkan usaha menambah hasil jualan sarang burung walet kepada SIALIN," katanya.



MOHD Salim (duduk dua dari kanan) bersama pengurusan NAFAS, PPN dan PPK.



MOHD Salim (duduk kanan) bersama pengurusan SIALIN dan LPP.

Info



Sistem aliran baik jamin sawi berkualiti

Sawi adalah jenis sayur berdaun yang kaya dengan kalsium, zat besi, kalium, vitamin C, beta karotena dan fosforus.

Jenis yang popular ialah sawi hijau, sawi bunga, sawi putih, sawi jepun dan sawi pahit. Ia dipercayai berasal dari Mediterranean dan kini berkembang hingga ke kawasan tropika.

Sawi mudah dan sesuai ditanam di kawasan yang mempunyai suhu antara 23 hingga 35 darjah Celsius, taburan hujan yang tinggi serta pelbagai jenis tanah.

Penanaman sawi memerlukan sistem aliran yang baik untuk menghasilkan produk berkualiti.

Untuk mencapai tahap

kualiti, sawi perlu dikendalikan dengan sebaik-baiknya bermula dari amalan ladang, pengendalian selepas tuai hingga ke peringkat pemasaran.

Penuaian boleh dilakukan antara 27 hingga 30 hari selepas menyemai dengan memotong batang pada paras tanah. Sawi kemudian dibersihkan, dirapi, digred dan dibungkus sebelum dipasarkan dengan segera.

Pastikan bungkusannya mempunyai pengudaraan yang baik dan disimpan di tempat berbungkus sebelum diangkut.

Suhu yang tinggi dan pengendalian yang tidak cermat boleh menjejaskan

kualitinya.

Sawi disimpan dalam bilik sejuk pada suhu antara 2 hingga 5 darjah Celsius dengan kadar kelembapan relatif 90 hingga 95 peratus dan mempunyai jangka hayat antara lima hingga tujuh hari.

Seperti sayur berdaun lain, sawi amat sensitif dengan gas etilena dan perlu dielak daripada disimpan bersama produk yang mengeluarkan gas etilena terutama buah-buahan.

Saiz sawi hijau ditentukan melalui ukuran panjang dari hujung daun hingga pangkal mengikut sentimeter (sm) iaitu untuk saiz besar (30), sedang (25-30) dan kecil (<25).